

Membangun Jaringan Muslim Progresif di Asia Tenggara

Oleh
Irfan Abubakar

Pensyarah di Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah
dan peneliti Pusat Kajian Agama dan Budaya, Jakarta.

Pada pertengahan bulan Disember 2006, ada sebuah peristiwa penting, meskipun tidak disorot media massa. Telah berlangsung pertemuan akrab empat hari antara pemikir aktivis Muslim progresif Indonesia dan Singapura di Puncak, Bogor. Ia merupakan susulan daripada perbincangan beberapa aktivis dan pemikir muda Muslim sewaktu menyertai Aman (Asian Muslim Action Network) di Jakarta awal November lalu.

Muslim di mana pun mendambakan hidup maju. Namun sebahagian besar Muslim terlambat mengejar kemajuan. Sejak Zaman Pencerahan (Enlightenment) di Eropah Barat, negara-negara majoriti Muslim menghadapi keadaan sebaliknya.

Mengapa ini berlaku?

Sebahagian sebabnya kerana penjajahan pihak luar. Tetapi sebahagian sebab yang lain berpunca daripada kejumudan (tertutupnya) pemikiran umat Islam. Penjajahan dari luar antara lain juga berlaku kerana kelemahan dalaman umat Islam.

Mencapai kemajuan bukan bertujuan menjajah orang lain atau politik hegemoni. Namun sejarah juga menunjukkan bangsa-bangsa dunia akan mendapatkan pergiliran masing-masing. Antara abad ketujuh hingga 15 Masehi, Muslim pernah menguasai (dominasi) peradaban dunia.

Kini giliran Barat, khususnya Amerika Syarikat, menguasai dunia. Umat Islam sekarang pula berada di kedudukan lemah. Al-Quran sudah menegaskan kehendak Ilahi (sunatullah), bahawa dominasi bersifat pergiliran (tadwir). Ertinya, tiada satu dominasi yang kekal.

Apa pun hujahnya, umat Islam hendaklah memberikan sumbangan kepada kemaslahatan seluruh insan. Tidak mungkin kita menuntut orang lain memberi masalah (kebaikan) kepada kita sedangkan kita berdiam diri saja. Rasulullah berpesan kepada kita: 'Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.'

Kita sedar bahawa sejumlah besar Muslim di Asia Tenggara menghadapi banyak persoalan sosial dan ekonomi. Di Indonesia, misalnya, angka kemiskinan mutlak atau pendapatan kurang \$1 sehari (17 peratus daripada 246 juta penduduk) dan pengangguran (12 peratus) masih besar. Masalah ini seiring rendahnya mutu pendidikan dan penguasaan teknologi moden.

Di beberapa wilayah Asia Tenggara, masyarakat Muslim masih bergelut dengan masalah identiti politik dan konflik kekerasan, dibeliti kemiskinan, kemunduran dan jurang sosial. Kita juga menghadapi masalah pelanggaran hak asasi manusia dan kerosakan alam sekitar.

Namun saudara-saudara bukan Muslim di rantau ini juga mengalami hal yang sama. Ini merupakan persoalan kemanusiaan yang menuntut keterpanggilan kita untuk menjawabnya.

Dalam zaman penyejagatan, hampir semua persoalan kehidupan manusia perlu diambil kira. Kita tidak mampu berfikir dikotomi - bahawa ini persoalan Muslim, yang itu bukan. Malah ada dikotomi dalam kalangan ummah sendiri - yang ini persoalan kelompok kami (minna), yang itu bukan (minhum).

Demi mendorong keadilan sosial dan kemaslahatan, setiap kelompok masyarakat berhak menyatakan pendiriannya. Oleh itu, perlu ada ruang yang cukup melegakan bagi setiap kelompok untuk bertukar pendapat secara sihat dan bermartabat. Ruang bersama (public space) merupakan pasar bagi idea dan pemikiran untuk peserta memilih yang terbaik bagi dirinya.

Jaringan Muslim progresif Asia Tenggara mendambakan sebuah ruang bersama bagi membincangkan masalah secara membina. Bukankah sebuah demokrasi yang sesungguhnya hanya mungkin tercipta dengan penyertaan aktif daripada warganya? Bahkan para pemerintah rantau kian sedar peri penting diwujudkan ruang bersama untuk masyarakat mengutarakan idea secara bertanggungjawab.

Kebanyakan Muslim cenderung berusaha untuk mempertahankan pandangan keagamaannya apabila merasa ke yakinannya dicabar. Namun dengan menjalankan komunikasi rasional ketika membincangkan persoalan persoalan mereka sehari-hari boleh terbentuk musyawarah dan rumusan (ijmak).

Jadi, sudah sediakah ummah memasuki ruang publik dengan sikap baru yang lebih rasional, tanpa sikap mengancam atau kecurigaan yang berlebihan?

[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian pada 15 Januari 2007.]